



Oleh: DR. SHAHRUL NAZMI  
SANNUSI  
(Pensyarah Kanan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia)

# 1 April 2015 Kiamatkah Malaysia?



*TIDAK DAPAT dinafikan ketakutan yang wujud ekoran pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST sebanyak enam peratus sememangnya nyata. Masakan tidak, ada kalangan rakyat Malaysia telah mula menyerbu pasar raya dan hypermarket untuk mengumpul-kan stok barangan keperluan mereka sebelum penguatkuasaan cukai ini pada 1 April 2015. Jalan-jalan raya utama sekitar Mid Valley dan Bukit Bintang juga menjadi sesak di hujung minggu sehingga terpaksa dikawal oleh pihak polis trafik penghujung Mac lalu.*



Isu berkaitan GST ini bagaikan kiamat kecil yang berlaku dalam negara ini sejak beberapa tahun lalu. Dari kalangan peringkat penggubal dasar, sehinggalah kepada mereka yang tinggal di ceruk kampung.

Sejak diumumkan pada belanjawan 2013 lalu, kita tidak lekang dimomokkan dengan stigma kenaikan harga dan pelbagai ketakutan yang hanya bersandarkan teori.

Akan tetapi, mungkin disebabkan kaedah penyampaian informasi GST ini dilihat agak sofistikated, usaha untuk memberi pemahaman tentang cukai baharu ini akan sukar diterima dan difahami kalangan masyarakat kelas bawahan, khususnya yang mempunyai tahap literasi media yang rendah dan tidak celik ekonomi ini.

Masyarakat masih tidak tahu bagaimana untuk mengaitkan apakah kesan GST ke atas harga sekampit

beras, sebuku roti, seikat sayuran dan sepanan telur ayam yang menjadi sajian harian mereka. Tidak kurang juga kepada mereka yang setiap bulan perlu ke klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan dan nasihat doktor.

Berbezanya dengan negara-negara Islam terkaya seperti Arab Saudi, Qatar dan kebanyakan negara Teluk yang dikurniakan kekayaan hasil bumi, mereka tidak memerlukan rakyatnya untuk membayar cukai bagi menampung belanjawan negara setiap tahun. Hasil buminya sahaja telah mampu untuk membiayai apa sahaja urusan pembangunan dan pelaburan.

Walaupun bagaimanapun, bagi negara membangun seperti Malaysia, kita masih memerlukan sumber percuakian dan hasil bumi bagi membolehkan negara terus berkembang melalui peruntukan belanjawan setiap tahun.



## Apa itu GST?

GST sebenarnya dapat mendidik pengguna menjadi lebih berhemat. Sekiranya pengguna tidak mahu membayar lebih GST maka hadkan perbelanjaan kepada yang perlu sahaja. Ini berdasarkan kepada GST adalah cukai penggunaan di mana lebih banyak anda pakai atau beli lebih banyak anda bayar. Orang berada mungkin akan menggunakan lebih. Ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pendapatan negara yang akhirnya dapat digunakan untuk kepentingan rakyat juga.

Antara kebaikan lain ialah kadar GST lebih rendah (enam peratus) berbanding cukai jualan dan perkhidmatan (SST) pada kadar 10 peratus dan enam peratus. SST adalah cukai berganda, sebaliknya GST adalah sistem satu cukai terhadap barangan dan perkhidmatan. Di bawah SST pengguna terpaksa membayar harga yang lebih mahal kerana cukai jualan merupakan sebahagian daripada kos yang akan dimasukkan ke dalam harga jualan dan dikenakan cukai perkhidmatan apabila menyediakan perkhidmatan kepada pengguna.

Pada masa sekarang, pengguna tanpa mengira kelas pendapatan telah membayar cukai jualan dan cukai perkhidmatan ke atas perbelanjaan harian mereka. Namun cukai yang dibayar itu terutamanya cukai jualan tidak tercatat di dalam resit kerana ia terselindung di dalam harga bayaran. Apabila GST dilaksanakan beban cukai yang ditang-



gung akan turun. Ini bermakna dengan pelaksanaan GST kebanyakan barangan dan perkhidmatan akan mengalami penurunan harga. Yang penting ialah apabila GST dilaksanakan pihak peniaga seharusnya menyalurkan penjimatan tersebut melalui penurunan harga.

Kajian yang dijalankan mendapati Indeks Harga Pengguna (HIP) akan mengalami penurunan sebanyak 8 hingga 10 peratus. Kita yakin dengan penubuhan jawatankuasa pemantau GST yang ditubuhkan kerajaan nanti dapat memastikan GST dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Kerajaan juga dari semasa ke semasa akan menilai impak sosial terhadap rakyat kesan daripada pelaksanaan GST.

Pengguna juga harus faham bahawa GST tidak dikenakan ke atas barangan makanan asas, pengangkutan awam, tol, pembelian dan penyewaan rumah kediaman, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, pengeluaran pasport dan lesen, penggunaan elektrik bagi 200 unit pertama bagi pengguna domestik dan pelbagai barangan asas dan perkhidmatan lain.

Ini dapat menggalakkan pelaburan, mendorong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran global yang berdaya saing. Pertumbuhan ekonomi negara pula akan mencipta pekerjaan dan meningkatkan pendapatan. Sebanyak 160 negara di dunia telah melaksanakan GST dan terbukti ia adalah sistem percukaian yang baik, cekap dan adil kerana semua orang membayar cukai berdasarkan penggunaan.

## Apa Yang Bakal Dibayar Rakyat Malaysia?

Jadi, berapa yang harus rakyat Malaysia bayar? Adakah mereka harus membayar tambahan enam peratus kepada jumlah harga barangan dan perkhidmatan?

Alasan utama kepada hujah yang menyatakan GST tidak membebankan rakyat ialah kadar yang dikenakan adalah rendah iaitu enam peratus sahaja. Di samping itu, 40 kategori barangan asas tidak akan dikenakan cukai langsung. Ini termasuk beras,

gula, susu tepung dan gandum. Di samping itu juga perkhidmatan yang diklasifikasikan sebagai penting seperti perkhidmatan kesihatan adalah dikecualikan dari cukai. Lagipun pelaksanaan GST juga bermakna SST akan dihapuskan. Kesannya bagi sesetengah keluaran harga mungkin akan menurun kerana penghapusan cukai SST.

Ini kerana di bawah sistem SST sedia ada, pengguna bukan sahaja membayar cukai jualan, bahkan dalam kes minuman berkarbonat di hotel sebagai contoh, pengguna juga dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak enam peratus yang dikenakan pihak hotel pula. Sebaliknya masalah cukai berganda ini tidak akan berlaku di bawah sistem GST kerana cukai yang dibayar pemilik hotel diperolehi semula dalam bentuk kredit cukai input dan tidak mewakili kos kepada hotel.

Namun terdapat pandangan lain yang menyatakan bahawa ada beberapa aspek pelaksanaan GST yang akan menghasilkan keadaan di mana harga barangan akan meningkat. Hujah utama mereka ialah dengan pelaksanaan GST, walaupun kadar cukai adalah lebih rendah dan banyak barangan dan keperluan asas adalah dikecualikan dari cukai, namun skop GST adalah lebih besar kerana melibatkan banyak aktiviti urus niaga.

Sebagai contoh kos menghasilkan alat keluaran seperti mesin, bahan pembungkusan, elektrik dan lain-lain semuanya akan dikenakan GST. Akibatnya pengilang terpaksa menaikkan harga untuk menampung kenaikan kos akibat GST ini walaupun ianya melibatkan pengeluaran barangan asas. Jika sistem percukaian negara ini dilihat dengan lebih dekat, akan didapati rakyat Malaysia telah pun membayar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang menjadi sebahagian daripada kos barangan dan perkhidmatan tanpa disedari. Rakyat Malaysia sudah pun maklum dengan cukai enam peratus bagi perkhidmatan tertentu seperti di hotel dan restoran mewah. Satu lagi cukai penggunaan yang selama ini dibayar rakyat tanpa disedari adalah cukai jualan.

# GST TIDAK SEBABKAN harga barang naik?

Pelaksanaan GST pada kadar jangkaan sebanyak enam peratus, tidak akan menyebabkan harga barangan naik berdasarkan imbalan (*offset*) penghapusan cukai jualan dan perkhidmatan.

Seperti yang diperjelaskan oleh Pengerusi Panel Penilaian Cukai Kementerian Kewangan dalam sebuah akhbar tempatan, Datuk Kamariah Hussain berkata, secara logiknya dengan pelaksanaan GST pengguna hanya perlu membayar cukai sebanyak enam peratus berbanding lima peratus bagi cukai perkhidmatan sebanyak lima peratus dan jualan sebanyak 10 peratus.

Pelaksanaan GST mampu mengurangkan kadar cukai yang dikenakan ke atas pendapatan individu dan korporat selain meningkatkan hasil cukai serta mengelakkan berlakunya ketirisan dalam menjana pendapatan negara. GST bertujuan menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang diperkenalkan sejak 1972, kini diterima pakai oleh 143 buah negara seluruh dunia. Ia juga tidak membebankan rakyat kerana pengecualian diberikan ke atas barangan keperluan seperti produk-produk pertanian serta makanan asas.

GST juga berupaya mengurangkan kos operasi para peniaga di negara ini dengan penjimatan tahunan sebanyak RM4 bilion bagi semua sektor perniagaan dan RM1.4 bilion untuk sektor eksport. Ini kerana

syarikat yang mencatatkan perolehan tahunan kurang daripada RM500,000 adalah dikecualikan daripada membayar GST.

## Kenapa Sekarang?

Pada masa ini, Malaysia lebih bergantung ke atas cukai langsung dan hasil petroleum dan sekarang adalah masa yang bersesuaian untuk kerajaan mengambil langkah bagi menstrukturkan semula sistem percukaian bagi memperbetulkan ketidakseimbangan. Salah satu langkah ialah dengan memperkenalkan GST yang merupakan satu sistem yang lebih efisien berbanding dengan sistem percukaian semasa.

Makanya, dengan bermulanya GST dalam negara ini secara langsung mengangkat Malaysia semakin hampir mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) sudah lama mengingatkan kerajaan bahawa negara ini mempunyai sumber percukaian yang kecil dan tidak dapat bertahan lama untuk jangka masa panjang. Hanya sekitar dua juta sahaja pembayar cukai di negara ini, manakala sumber minyak

pula tidak akan dapat bertahan lama. Diharapkan dengan GST ini juga bakal membantu urus niaga yang lebih telus selain dapat menambahkan lagi kualiti pendidikan, perkhidmatan dan pembangunan negara dalam jangka masa panjang. **A**

